

## Persepsi Pelajar Universiti Awam terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi

Azlan Shaiful Baharum\*, Rosni Samah

*Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai Negeri Sembilan Malaysia*

\*Corresponding author: azlan\_arab@usim.edu.my

### Abstrak

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah lama bermula, namun begitu mengikut kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar masih kurang memuaskan. Dalam kemahiran penulisan, mereka menghadapi pelbagai kesukaran untuk menjayakan sebuah karangan. Pelbagai kesalahan bahasa telah dilakukan. Bertolak daripada isu ini, kajian ini cuba melihat apakah persepsi pelajar terhadap bentuk kesalahan yang banyak dilakukan, faktor penyumbang dan implikasi daripada kesalahan tersebut. Tujuan kajian ini ialah mengenalpasti persepsi mereka terhadap kesalahan yang kerap dilakukan, faktor yang menyumbang kepada kesalahan dan implikasi daripada kesalahan yang terhasil. Bagi mendapatkan data tentang persepsi pelajar, 113 sampel kajian telah dipilih dalam kalangan pelajar tahun empat pengkhususan bahasa Arab di lima buah Universiti Awam terpilih untuk kaji selidik ini. Dapatan kajian menunjukkan kesalahan yang paling kerap dilakukan ialah kesalahan sintaks. Faktor utama yang menyumbang kepada kesalahan ialah kurang cekap dalam memahami kaedah nahu dan sorof serta kurang latihan esei. Akibat utama yang terhasil daripada kesalahan ialah ketidakupayaan menulis kertas ilmiah tahun akhir. Kajian ini turut mencadangkan tiga cara bagi mengatasi masalah kelemahan ini, iaitu pelajar hendaklah menggunakan strategi belajar Bahasa Arab, kaedah pengajaran hendaklah disesuaikan dengan kemahiran penulisan dan bahan bacaan hendaklah diperbanyakkan dan dipelbagaikan.

*Kata kunci* : Kesalahan bahasa, penulisan Arab, persepsi pelajar, faktor, implikasi.

### Abstract

Arabic learning in Malaysia has been around for a long time. However, according to research, the language skills among students are still unsatisfactory. In writing, they are facing various difficulties in constructing a good essay as seen in the language errors occurred. Thus, this research is going to look at the students' perceptions on language errors, factors and implications. The main objective of this research is to identify types of errors, factors that contribute to the errors and its implications. 113 fourth year students from five public universities in Malaysia were chosen as samples. They were majoring in Arabic Language. The results show that the most frequent language errors in their writing are syntactical errors. The main factors are their inability to understand the grammatical rules and lack of writing exercise. Besides, the main implication is that the students are unable to write academic article for their final year project. This research also suggests three ways to overcome the weakness; the students should use the Arabic Learning Strategies, the teaching methodology has to be adapted in order to be in line with writing skill, and the reading materials have to be diversified and augmented.

*Keywords*: Language errors, Arabic writing, students' perceptions, factors, implications

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### 1.0 PENDAHULUAN

Bahasa ialah satu elemen yang penting untuk menggambarkan luahan idea, persepsi dan pengalaman yang ada dalam kehidupan seharian seseorang manusia. Menurut Zayed dan Saadi (2006), ia merupakan satu cara yang paling efektif untuk berhubung dan berkomunikasi dengan efektif. Salah satu cara penggunaan bahasa ialah melalui penulisan. Kebanyakan jenis penulisan sekarang menjurus kepada penulisan yang berformat. Justeru itu, kebanyakan pembelajaran bahasa dan juga peperiksaan sekarang menekankan aspek penulisan. Namun begitu, menurut Abu Saiid (2007) kemampuan mereka dalam menulis esei jenis ini masih dipersoalkan. Terdapat banyak kesalahan yang ditemui sepanjang proses pembelajaran. Ini termasuklah dari aspek sintaktikal, ortografi, leksikal dan morfologi. Kebanyakan kajian memfokuskan dan membuktikan keutamaan empat aspek ini, termasuklah kajian yang dilakukan oleh Mahmud dan Mikhail (2007) yang mengesahkan perkara tersebut. Setelah diteliti kebanyakan elemen yang boleh dikaji ialah persepsi mereka terhadap kesalahan yang dilakukan. Kedua, fokusnya menjurus ke arah faktor-faktor penyumbang kepada kesalahan tersebut. Ketiga ialah penerangan tentang implikasi negatif yang terhasil daripada kesalahan berkenaan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap tiga fokus yang telah disebutkan dalam kalangan pelajar Universiti Awam di Malaysia.

## ■2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Pelajar pengkhususan bahasa Arab telah pun mempelajari bahasa Arab sejak daripada peringkat awal menengah lagi, malahan ada yang mula mempelajarinya seawal usia 7 tahun (Rosni, 2012). Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Foo dan Richards (2004) yang menyatakan bahawa kebanyakan pembelajaran bahasa di Malaysia telah dijalankan sejak zaman awal kanak-kanak lagi, khususnya di peringkat sekolah rendah. Secara umumnya, dalam jangka masa yang panjang ini sepatutnya pelajar-pelajar ini telah pun mampu menulis dengan baik dan tidak melakukan banyak kesilapan dan kesalahan bahasa. Realiti yang berlaku ialah masih ramai pelajar yang lemah dalam penulisan apatahlagi esei yang berformat. Ini diperakukan oleh kajian yang telah dijalankan oleh Azlan (2013) yang mendapati masih banyak kesalahan bahasa yang dilakukan walaupun sudah berada di menara gading.

Mengikut Kamarul Syukri (2009), isu kelemahan mereka dalam penulisan bahasa Arab terus diperdebatkan hingga kini. Para pengkaji masih lagi mencari apakah puncanya. Abdul Halim dan Wan Muhammad (2006) berpendapat bahawa kelemahan semakin ketara dari sehari ke sehari. Menurut Khazri dan Ku Siti Esah (2012), apabila bahasa Arab digunakan secara meluas pada masa kini oleh penutur bukan Arab dalam bidang akademik, maka berlakulah kesalahan demi kesalahan sama ada aspek pertuturan mahu pun penulisan yang boleh mengurangkan keistimewaannya.

Kelemahan penulisan ini amat ketara dalam beberapa aspek bahasa termasuklah sintaks, ortografi/ejaan, morfologi/pembinaan kata dan leksikografi/pemilihan kosa kata. Kesalahan-kesalahan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Madiah Muhammad Yusof (2009) kepada pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Dapatan kajian Rosni Samah (2012) menunjukkan pelajar lepasan sekolah menengah agama lemah dalam menulis karangan bahasa Arab. Hanya 16% sahaja yang mendapat markah 6 ke atas daripada 10 markah. Kelemahan ini berlaku dalam membina ayat yang betul.

Menurut Azlan (2013), kebanyakan pelajar yang mengambil bidang bahasa Arab, hanya menguasai dan dapat mengaplikasikan sekitar 500 hingga 1000 patah kata sahaja sepanjang lima tahun diperingkat menengah. Kamarul Shukri (2009) berpandangan mereka sepatutnya menguasai lebih 3000 patah kata dalam tempoh yang sama. Keadaan ini turut diperakui oleh satu kajian yang dijalankan oleh Ghazali, dll. (2012) di sebuah universiti tempatan yang mendapati penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti berada pada tahap yang sederhana dan perlu kepada penambahbaikan.

Isu berkenaan dengan kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar banyak diuraikan oleh sarjana dan cendekiawan (Kamarulzaman, 2011). Saupi Man (1992) dalam kajiannya mendapati kebanyakan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab mempunyai kelemahan yang ketara dalam kemahiran bahasa terutama dalam aspek penulisan. Malahan ia bertambah dari semasa ke semasa walaupun banyak usaha yang dilakukan. Antara usaha yang dijalankan ialah mengenalpasti faktor penyumbang terhadap kelemahan mereka di samping pengaruh yang kuat daripada bahasa ibunda sendiri. Kesalahan yang paling ketara dalam kajian beliau ialah dua kesalahan utama iaitu kesalahan leksikografi dan morfologi.

Selain itu, Zarima (2005) dalam kajiannya menyenaraikan pelbagai faktor yang menyumbang ke arah kelemahan dan kesalahan bahasa yang ketara. Antaranya ialah tidak berminat terhadap bahasa Arab itu sendiri, kurangnya latihan aplikasi dan bahan-bahan rujukan yang kurang sesuai untuk kemahiran penulisan di samping masa yang diperuntukan untuk pengajaran dan pembelajaran amat minimum. Mohamed Ahmed (2010) dalam kajian beliau pula menerangkan tentang kepentingan faktor pendidikan, pengajaran, psikologi, sosiologi dan mentaliti individu yang menyumbang kepada kebolehan dalam kemahiran penulisan yang efektif. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Ainol Mardziah dan Isarji (2009) yang menyatakan faktor motivasi menyumbang ke arah menguasai kemahiran berbahasa asing.

Kajian Rosni Samah (2013) menjelaskan terdapat tujuh faktor yang menyebabkan kelemahan penguasaan Bahasa Arab berlaku, iaitu pembelajaran berpusatkan kepada guru, pembelajaran berpusatkan buku teks, kurang latihan, kurang bahan bacaan tambahan, kurang aktiviti, sikap pasif pelajar dan kurang komunikasi dalam kalangan pelajar. Dalam kajian yang lain, Rosni Samah (2014a) menyatakan bahawa kurang penggunaan strategi belajar merupakan faktor yang menyebabkan berlaku kelemahan Bahasa. Dapatan ini selari dengan dapatan sebelumnya seperti Anida (2003), Nurazan (2004) dan Kamarul Syukri (2009). Faktor yang lain pula, telah dinyatakan oleh Maimun & Jamilah (2007), Kamarul Syukri dll. (2009) and Rosni Samah (2014a) iaitu kurang motivasi juga merupakan faktor kelemahan menguasai Bahasa.

Kelemahan penguasaan bahasa mempunyai kaitan rapat dengan kesalahan bahasa. Oleh sebab itu terdapat juga penyelidik yang cuba mengengahkan kesalahan-kesalahan Bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Menurut Hanizam (2004), pembelajaran bahasa Arab terlalu memfokuskan teori kesalahan bahasa semata-mata dan tidak menekankan kemahiran penulisan. Mahama Duriah (1999) yang membuat kajian tentang kesalahan penggunaan kata ganti nama Arab dalam kalangan pelajar secara lisan dan penulisan, mendapati bahawa terdapat banyak sebab yang menjurus kepada kesalahan yang berulang kali. Ini dapat dilihat melalui pemikiran pelajar yang cenderung berfikir dalam bahasa Melayu sebelum menulis atau bertutur dalam bahasa Arab. Ini mengakibatkan mereka menghadapi kesukaran untuk menulis atau bertutur dengan penyusunan ayat yang betul.

Manakala Wejdan Kenali (2000) mendapati banyak kesilapan pelajar-pelajar Melayu dalam menggunakan kata sendi dalam bab sintaksis. Pelbagai sebab dapat dirungkai melalui kajian ini, antaranya ialah tidak mengetahui fungsi kata sendi tersebut, tidak tahu membezakan diantara penggunaan kata kerja transitif dan intransitif. Norasmazura (2005) pula mengkaji kesalahan sintaksis terutama penggunaan kata nama am dan kata nama khas dalam bahasa Arab. Beliau mendapati kesalahan tersebut berpunca daripada pelajar terpengaruh dengan kaedah bahasa ibunda mereka. Selain itu, kurang kefahaman terhadap kaedah tersebut yang menyumbang kepada kelemahan mereka. Azlan (2013) yang menjalankan kajian terhadap pelajar tahun akhir pengajian Bahasa Arab di Universiti Awam terpilih di Malaysia mengesahkan dapatan tersebut.

Bertitik tolak daripada permasalahan kelemahan menguasai Bahasa Arab di atas, kajian ini cuba menyingkap persepsi pelajar itu sendiri terhadap situasi yang berlaku bagi mengenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap kelemahan tersebut. Permasalahan ini diperjelaskan melalui tiga persoalan berikut: 1) apakah jenis kesalahan yang dilakukan mengikut persepsi pelajar?, 2) apakah faktor penyebab kesalahan yang dilakukan mengikut persepsi pelajar? dan 3) apakah implikasi yang terhasil daripada kesalahan tersebut mengikut persepsi pelajar?

## ■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah bagi mengenalpasti perkara berikut :

1. Jenis kesalahan yang dilakukan mengikut persepsi pelajar.

2. Faktor penyebab kesalahan yang dilakukan mengikut persepsi pelajar.
3. Implikasi yang terhasil daripada kesalahan tersebut mengikut persepsi pelajar.

#### ■4.0 METODOLOGI KAJIAN

##### Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap jenis kesalahan bahasa yang biasanya dilakukan oleh mereka dalam penulisan berformat, faktor dan kesan yang terhasil daripadanya. Sehubungan itu, reka bentuk kajian kuantitatif dan deskriptif melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan satu set borang soal selidik telah dipilih bagi menjayakan kajian ini.

##### Set Soal Selidik

Set soal selidik ini telah pun mendapat pegesahan pakar metodologi penyelidikan, pendidikan dan pengajaran Arab iaitu Profesor Dr. Ali Ahmad Madkur, seorang Profesor di Institut Pendidikan, Universiti Kaherah, Mesir. Setiap bahagian soal selidik mengandungi item yang tersendiri dan menjurus kepada persoalan kajian yang dikemukakan kepada sampel kajian. Set borang soal selidik ini dibina berdasarkan dapatan kajian Azlan (2013). Ia dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Item soalan untuk bahagian A menjurus kepada persepsi pelajar terhadap jenis kesalahan Bahasa yang kerap dilakukan. Manakala bahagian B pula memfokuskan persepsi mereka terhadap faktor yang menyebabkan kesalahan. Bahagian C tentang persepsi mereka terhadap kesan yang terhasil daripada kesalahan tersebut. Setiap item mengandungi lima pilihan jawapan iaitu tidak tahu, sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju. Analisis min digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat berdasarkan Analisa Strategi Pembelajaran SILL 7.0 (Oxford, 1990).

##### Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 113 orang pelajar tahun akhir pengkhususan bahasa Arab daripada lima buah universiti tempatan yang terpilih iaitu USIM, UIAM, UKM, UPM dan UM. Mereka merupakan sebahagian daripada populasi seramai 220 orang pelajar tahun akhir yang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda bahasa Arab pada sesi pengajian akademik 2010/2011. Mereka dipilih secara rawak daripada beberapa kelas yang telah ditentukan oleh pihak jabatan masing-masing.

#### ■5.0 DAPATAN DAN DISKUSI

Setiap pelajar berbeza pandangan terhadap kesalahan bahasa yang dilakukan oleh mereka dalam penulisan berformat. Ini timbul hasil daripada pengalaman individu yang berbeza dalam aspek penulisan. Setiap pelajar mempunyai latar belakang bahasa yang berlainan dan tindak balas yang berbeza terhadap penulisan berformat itu sendiri. Oleh yang demikian perbezaan individu dalam kalangan mereka amat ketara walaupun mereka belajar di universiti yang sama. Bertitik tolak dari situasi ini, dapatan kajian dapat disimpulkan dalam tiga fokus utama, iaitu persepsi mereka terhadap jenis kesalahan, faktor berlakunya kesalahan dan kesan yang terhasil daripada kesalahan tersebut.

##### 5.1 Fokus 1: Persepsi Pelajar Terhadap Jenis Kesalahan Bahasa

**Jadual 1** Persepsi pelajar terhadap jenis kesalahan bahasa

| Item      | Min  | Tahap  |
|-----------|------|--------|
| Sintaksis | 3.87 | Tinggi |
| Morfologi | 3.84 | Tinggi |
| Leksikal  | 3.74 | Tinggi |
| Ortografi | 3.71 | Tinggi |

Empat jenis kesalahan telah dikemukakan untuk ditentukan yang mana kerap berlaku kesalahan. Kajian mendapati bahawa sampel bersetuju tentang kesalahan sintaksis sebagai kesalahan yang paling banyak dilakukan ketika menulis penulisan berformat. Ini dapat dilihat dengan jelas pada min untuk kesalahan tersebut yang mencapai 3.87. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan beberapa kajian yang pernah dilakukan sebelum ini yang mendapati kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar ialah kesalahan sintaksis dalam pelbagai bentuk. Mengikut Rosni Samah (2005) kesalahan sintaksi ini jelas dapat dilihat dalam meletakkan perkataan pada susunan yang betul. Antara kajian tersebut ialah Mahama Duriah (1999), Wejdan Kenali (2000), Adiny Abdul Hadi (2000), Nurullah Abdullah (2005), Norasmazura (2005), Ahmad Abdul Qodir (2010), Azlan (2013) dan Mohamad Sonang (2014).

Sampel kajian juga bersetuju bahawa kesalahan yang kedua tertinggi ialah kesalahan morfologi yang mencapai min 3.84. Ini kerana morfologi mempunyai kaitan yang rapat dengan sintaksi. Rosni Samah (2005) menjelaskan bahawa pelajar selalu melakukan kesalahan dalam memilih dan menulis perkataan yang betul. Dalam kajian yang lain Rosni Samah (2013) menjelaskan bahawa pelajar selalu melakukan kesalahan morfologi dalam membezakan antara kata nama dan kata kerja, perbezaan antara pola-pola kata terbitan, perbezaan antara penambahan dan perbezaan antara singular dan plural. Dapatan kajian ini menepati dapatan kajian yang pernah dijalankan sebelum ini, antaranya ialah Abdul Aziz (1998), Che Kamarudin (1999), Abdul Ghani (1999), Hanizam (2004), Che Raziah (2009), Tamam (2001), Sahabudin (2003), dan Mohd Zaini (2012). Dapatan pertama dan kedua kajian ini juga menepati kajian strategi pembelajaran dan kaitannya dengan analisis kesalahan bahasa yang pernah dilakukan oleh Nonglaksana Kama (2007).

Kesalahan leksikal berada pada kedudukan ketiga terbanyak yang mencapai min 3.74. Kesalahan ini berlaku kesan daripada kesalahan morfologi. Pelajar tidak tahu menggunakan perkataan Arab sebenar dengan makna yang dikehendaki. Mengikut Mikhail dan Mahmud (2007) kesalahan ini ketara berlaku kerana pengaruh bahasa ibunda dalam pemilihan kosa kata. Ia juga bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Abdel Aziz (1985) yang mendapati kesalahan leksikal antara kesalahan yang banyak terdapat dalam kalangan pelajar berketurunan Arab sendiri. Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang selari dengan dapatan ini, antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Saupi Man (1992) dan Wan Ahmad Rahiman (1994). Kesalahan ini juga kerap berlaku dalam pembelajaran bahasa asing yang lain seperti kajian yang dilakukan oleh Yong dan Vijayaletchumy (2012).

Kesalahan ortografi merupakan kesalahan yang kurang dilakukan mengikut persepsi responden dengan mencapai min 3.71 untuk berada di kedudukan keempat. Persepsi responden ini bertentangan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Azlan (2013) tentang kesalahan menulis karangan berformat dalam kalangan pelajar tahun akhir Bahasa Arab universiti awam. Hasil kajian ini menunjukkan kesalahan ortografi merupakan kesalahan kedua terbanyak selepas kesalahan sintaksi. Antara kesalahan ortografi yang banyak berlaku ialah penggunaan Hamzah, titik huruf dan penambahan huruf yang tidak perlu. Beberapa kajian lepas telah menunjukkan dapatan yang sama iaitu kajian Ruzvani (2009), Lubna (2007), Arif (1994), Naimah (1995), Che Radiah (1995), Jaseem (2000), Che Radiah dan Norhayati (2007), Mohd Nazmi (2009) dan Salahuddin (1985).

## 5.2 Fokus 2: Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Berlakunya Kesalahan Bahasa

Fokus kedua ialah menjurus kepada persepsi pelajar terhadap faktor yang membawa kepada kekerapan berlakunya kesalahan dalam penulisan berformat. Dapatan kajian memfokuskan kepada 8 faktor utama seperti berikut.

**Jadual 2** Persepsi pelajar terhadap faktor kekerapan berlakunya kesalahan

| Item                                     | Min  | Tahap  |
|--|------|--------|
| Kurang latihan menulis esei              | 3.95 | Tinggi |
| Kurang cekap kaedah sintaksis/ morfologi | 3.95 | Tinggi |
| Salah terjemahan dari bahasa Melayu      | 3.93 | Tinggi |
| Lemah gaya bahasa Arab                   | 3.92 | Tinggi |
| Kurang merujuk buku Arab                 | 3.91 | Tinggi |
| Tidak seragam di antara format dan isi   | 3.89 | Tinggi |
| Kurang praktik dalam penulisan ilmiah    | 3.88 | Tinggi |
| Kurang praktik dalam kokurikulum         | 3.83 | Tinggi |

Dapatan ini (Jadual 2) menunjukkan sampel kajian bersetuju bahawa kurang latihan menulis esei dan kurang kecekapan dalam memahami kaedah sintaksis dan morfologi merupakan faktor utama menyumbang kepada kesalahan. Ini jelas melalui dapatan kajian yang ditunjukkan oleh min bagi kedua-dua faktor itu iaitu 3.95. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh beberapa sarjana seperti Corder (1974), Johanson (1972), Ahmad Sheikh (2001), Abdullah (1982), Hanizam (2004) dan Zulkifli (1995). Kebanyakan mereka menyatakan bahawa kekurangan latihan kemahiran penulisan dan tatabahasa merupakan antara faktor penyumbang terbesar kepada kelemahan pelajar.

Dapatan sampel kajian juga bersetuju bahawa kesalahan menterjemah idea daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab yang mencapai min 3.93, berada di kedudukan ketiga daripada faktor-faktor yang menyebabkan kesalahan ini berlaku. Banyak kajian yang mendapati faktor ini antara penyumbang kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Menurut Mohamed Ewadh (1983), Saupi (1992), Wan Rahiman (1994), Rosni & Marwan (2006), Mohd. Hakim (2008) pengaruh struktur bahasa ibunda dan penterjemahan terus yang tidak tepat, adalah antara punca kegagalan pelajar menghasilkan penulisan bahasa Arab yang baik. Sementara itu, Zuhdi (1995), Zulkifli (1995), Institut Bahasa Arab (1984) dan Abdel Aziz (1985) menganggap penggunaan bahasa ibunda dan dialeknya menyebabkan pelajar terlalu terikat-ikut gaya bahasa tersebut ke dalam bahasa kedua atau ketiga yang baharu dipelajari. Awang Mohamad Amin (1994) berpendapat penterjemahan bukanlah proses mengalih bahasa semata-mata tetapi dalam masa yang sama banyak aspek yang perlu dipertimbangkan.

Kelemahan gaya bahasa Arab pula berada pada kedudukan keempat mengikut persepsi responden dengan mencapai min 3.92. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Mohd. Hakim (2008) yang mendapati banyak kesalahan gaya bahasa dalam kalangan pelajar dan beberapa langkah perlu diteliti untuk mengatasi masalah ini. Menurut Maheram (2011) pula, gaya bahasa atau penggunaan bahasa dalam penulisan bergantung kepada siapa yang menulis, apa yang mahu disampaikan, kata atau ayat bagaimana yang ingin digunakan, yang seterusnya akan mencerminkan peribadi penulis itu sendiri. Dapatan ini juga bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Rosni Samah (2012) tentang kelemahan pelajar menggunakan gaya bahasa yang baik.

Selain itu, persepsi pelajar terhadap faktor kurang merujuk bahan rujukan berbahasa Arab menduduki tempat kelima dengan min 3.91 dan ia menyumbang kepada kesalahan bahasa. Rosni dll. (2013) berpendapat merujuk bahan bahasa Arab merupakan suatu aspek yang penting kerana ia menyumbang kepada kemantapan memiliki kosa kata dan gaya bahasa yang baik.

Di samping itu, sampel juga bersetuju tentang faktor ketidakseragaman format dan isi (min 3.89) memberi kesan terhadap kesalahan dalam penulisan mereka. Pada persepsi mereka, dua faktor yang kurang menyumbang kepada masalah ini ialah kurang praktikal dalam penulisan ilmiah (min 3.88) dan dalam aktiviti kurikulum (min 3.83). Oleh itu, boleh disimpulkan mengikut persepsi sampel pelajar lima IPTA yang dipilih, faktor utama yang menyumbang kepada kesalahan bahasa yang dilakukan ialah akibat kurang latihan dalam penulisan esei dan lemahnya penguasaan aspek sintaksis dan morfologi dalam tatabahasa Arab.

## 5.3 Fokus 3: Persepsi Mereka Terhadap Implikasi Kesalahan Bahasa

Terdapat banyak implikasi yang berlaku akibat kekerapan berlaku kesalahan bahasa yang ketara. Kajian ini hanya memfokuskan kepada persepsi pelajar terhadap lima implikasi yang utama yang akan diuraikan seperti dalam jadual berikut.

**Jadual 3** Persepsi pelajar terhadap implikasi kesalahan.

| Item   | Min  | Tahap  |
|--|------|--------|
| Tidak mampu menulis kajian ilmiah                      | 3.77 | Tinggi |
| Kesilapan sentiasa diulangi tanpa sedar                | 3.75 | Tinggi |
| Hilang keyakinan diri semasa menulis                   | 3.68 | Tinggi |
| Tidak mampu menggunakannya dalam kerjaya               | 3.66 | Tinggi |
| Tidak dapat menyumbang kepada perkembangan bahasa Arab | 3.64 | Tinggi |

Jadual 3 menunjukkan dapatan yang diperoleh berdasarkan persepsi pelajar terhadap implikasi kesalahan bahasa yang berlaku dalam penulisan. Semua sampel kajian bersetuju tentang impikasi yang paling ketara ialah tidak mampu menulis kajian ilmiah dalam bahasa Arab (min 3.77). Ini diikuti dengan implikasi kedua yang mencapai min 3.75 iaitu kesilapan yang berlaku sentiasa berulang dengan kerap tanpa disedari oleh pelajar. Kajian Noor Anida dll. (2014) menyarankan supaya pelajar dapat mempertingkatkan kemahiran menulis, ini kerana pada tahun akhir mereka diwajibkan menyediakan penulisan ilmiah dalam Bahasa Arab.

Sampel kajian juga bersetuju tentang implikasi ketiga, keempat dan kelima yang hampir sama minnya, iaitu hilang keyakinan diri semasa menulis dengan (min 3.68), tidak mampu menggunakan bahasa Arab dalam kerjaya masa hadapan (min 3.66) dan tidak dapat menyumbang kepada perkembangan bahasa Arab, yang hanya mencapai min 3.64. Dapatan tentang hilang keyakinan diri ini selari dengan beberapa kajian yang telah dijalankan terutamanya dalam kemahiran bertutur seperti kajian Muhammad Hanan (2012) dan Nur Pratiwi dll. (2014) mereka menjelaskan bahawa kurang keyakinan diri menyebabkan pelajar kurang menguasai Bahasa Arab dan kerang keterampilan bahasa.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Nadwah dan Nadhilah (2014), mereka mendapati bahawa kesukaran dalam berbahasa Arab telah membantutkan keupayaan pelajar dalam kemahiran akademik dan bukan akademik mereka. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Normalis, Natsue dan Mimiko (2012) yang mana mereka menyatakan bahawa menguasai kemahiran ini amat penting dalam pasaran kerjaya kini. Tambahan pula ia disokong oleh kajian Ainol Mardziah dan Isarji (2009) yang menyatakan penguasaan kemahiran ini memberi merit dan nilai tambah atas kebolehan seseorang dalam zaman yang serba mencabar kini.

## 6.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Bertolak daripada dapatan kajian ini, tiga implikasi utama dapat dirumuskan. Ia berkaitan dengan strategi pelajar dalam usaha mempelajari subjek kemahiran menulis, kaedah pembelajaran yang perlu diberi perhatian terutamanya dalam subjek-subjek berkaitan dan bahan rujukan yang membekalkan Bahasa kepada pelajar.

### 6.1 Implikasi Terhadap Strategi Pembelajaran

Dari sudut strategi, pelajar hendaklah mempunyai strategi sendiri untuk belajar terutamanya kemahiran menulis. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Anida (2003), Nurazan (2004), Kamarul Syukri (2009b), Sueraya dll. (2010), Mastura & Kaseh (2012) and Rosni Samah (2013) menunjukkan pelajar bahasa Arab kurang menggunakan strategi belajar dan mereka kurang kesedaran dalam penggunaan tersebut. Bertolak daripada isu ini Rosni Samah (2014) membina Strategi Imitasi untuk pembelajaran bahasa Arab yang lebih sesuai dengan tabiat bahasa Arab dan pelajar Islam. Strategi ini telah menunjukkan keberkesannya melalui kajian-kajian yang telah dijalankan seperti Yayan Nurbayan (2011), M. Fauzi (2012), Shafirool (2013), Amizan (2013), Rohaizaf (2013) dan Rosni Samah (2014b). Berdasarkan kejayaan tersebut Rosni Samah (2014c) telah membina instrumen untuk mengukur penggunaannya.

### 6.2 Implikasi Terhadap Kaedah Pengajaran

Dari sudut implikasi kaedah pengajaran pula, beberapa tajuk dan juga subjek perlu dilihat semula. Berdasarkan dapatan kajian pelajar menyatakan bahawa kelemahan tertinggi adalah nahu, sorof, leksikografi dan ortografi, di samping subjek kemahiran menulis sendiri. Dari sudut nahu dan sorof pembelajarannya hendaklah menekankan sudut amali bukanlah hanya kaedah semata-mata. Ini bagi membolehkan pelajar membaca dan membina struktur ayat yang betul.

